

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PEMBUKAAN BANGUNAN SEKOLAH ST. MARY
DI SEKOLAH MENENGAH ST. MARY, SELAYANG, SELANGOR
PADA HARI SABTU, 29 JULAI 2000
JAM 9.00 PAGI**

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul di dewan yang indah ini untuk melaksanakan satu majlis yang amat bermakna bagi pelajar, guru dan ibu bapa sekolah ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga dan Sekolah St. Mary yang sudi menjemput saya ke majlis yang bersejarah pagi ini. Saya amat gembira menerima jemputan ini kerana saya dan Sekolah St. Mary telah mempunyai satu ikatan abadi yang sentiasa bersemadi di dalam hidup saya.

2. Sekolah St. Mary sememangnya mempunyai tempat yang istimewa di hati saya kerana di sekolah bersejarah inilah saya dan adik beradik saya menerima pendidikan awal kami. Kehadiran saya pada pagi ini membawa kembali kenangan-kenangan manis semasa saya menjadi pelajar Sekolah St. Mary selama 7 tahun iaitu dari Januari 1934 hingga Disember 1941. Tiada bangunan yang tinggi dan moden seperti ini terdapat pada ketika itu. Bagi saya, bangunan Sekolah St. Mary di tapak lama adalah begitu besar, indah dan mengagumkan.

3. Saya masih teringat pintu kayu utama yang menjadi identiti sekolah, koridor kayu yang memanjang, dewan sekolah yang besar, tangga batu warna merah yang luas dan indah yang menghala ke bilik Pengetua dan terutama sekali liku-liku dan sudut-sudut gelap di sekitar kawasan sekolah yang menjadi tempat saya berkumpul dan bermain dengan kawan-kawan saya. Lebih-lebih lagi dari aspek fizikal sekolah, yang sungguh istimewa bagi saya ialah tenaga pengajar yang bertungkus lumus mendidik kami. "My teachers were prim and proper ladies but loving and caring too and totally dedicated to their calling as educators. They were the ones who gave the buildings the character and beauty that made St. Mary's School special to me. To these teachers I owe them a debt of gratitude".

4. Pada pagi ini apabila saya melihat bangunan Sekolah St. Mary yang baru ini buat kali pertama, saya rasa terpegun dengan bangunan-bangunan yang tinggi dan serba moden dan berpadang begitu luas. But mis is as it should be. Dalam menempuh ke arah era teknologi

yang serba moden dan canggih masa kini di mana berlakunya perkembangan yang pesat hari demi hari, kita harus bergerak seiringan dan serentak dengan pertumbuhan ini. Jelas bahawa penempatan semula Sekolah St. Mary adalah satu langkah yang bijak dan wajar.

5. Dengan kemajuan sains dan teknologi sekolah-sekolah tidak terkecuali daripada berlumba-lumba menyiapkan diri untuk menjadi sekolah bestari. Kita tidak dapat mengeneipkan pembaharuan yang datang malah kita harus menerima cabaran-cabaran baru dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menyediakan pelajar-pelajar bestari yang boleh berfikir, bermotivasi berdikari serta cekap menggunakan alat-alat canggih dan moden. Kita harus melahirkan generasi yang terpelajar dan cemerlang serta dapat mengaplikasikan segala kemahiran yang diperolehi bagi membangunkan diri sendiri serta negara. Negara kita memerlukan tenaga kerja mahir yang akan disegani dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia dan dengan adanya kemudahan-kemudahan di sekolah ini diharap pelajar-pelajar akan menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21.

6. Di sini saya ingin mengingatkan pelajar-pelajar bahawa sejajar dengan Wawasan 2020, pelajar-pelajar lepasan sekolah amat diperlukan dalam perkembangan negara, tetapi pelajar yang akan diperlukan bukan hanya dilihat dari segi jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu juga dilihat dari segi nilai disiplin, sikap jujur dan dedikasi mereka terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap tetapi harus boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara tersendiri atau secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada nilai-nilai yang mulia. Ciri-ciri seperti ilmu pengetahuan, disiplin dan sikap yang baik adalah ciri-ciri yang akan menentukan tingkat kejayaan seseorang pelajar dalam kehidupan di masa depan.

7. Hari ini kita berada dalam era internet di mana dengan penggunaan teknologi maklumat kita dapat memperolehi berbagai ilmu. Di masa hadapan penggunaan I.T. akan mempengaruhi hampir seluruh kehidupan kita. Pelajar akan mendapat ilmu yang tidak ada batasannya. Selaras dengan perkembangan penggunaan komputer dan internet timbullah disiplin internet. Oleh itu pelajar, guru serta ibu bapa harus peka dalam hal ini dan dapat membimbing anak untuk mempunyai satu disiplin internet yang tinggi yang hanya menggunakan program-program yang berguna sahaja. Maklumat yang diperolehi harus ditapis dan tanggungjawab ini terletak pada bahu para pendidik dan ibu bapa. Hanyalah dengan cara ini dapat kita kawal pengaruh luar yang tidak diinginkan.

8. Pada hari ini kita amat bertuah kerana berada di bangunan baru yang serba indah ini tetapi kita tidak seharusnya melupakan nilai-nilai, tradisi budaya dan asal usul sekolah

bersejarah ini. We must not forget the 87 years that have gone by. In the face of modernisation and changing values systems, the values and traditions handed down through the generations must be nurtured and must form the foundation for the future educators and students to build on. St. Mary's School has been built on a strong foundation of love, care and concern for its fellowmen. This is reflected in the motto of the school 'I Serve' and this must be nurtured more so today in the face of social problems that have become evident in schools today. (Visi pengasas sekolah St. Mary hams dipupuk dan diperkembangkan supaya menjulang lagi imej Sekolah St. Mary).

9. Harapan saya sebagai ibu dan nenek bagi anak-anak gadis yang bersekolah kini, ialah supaya mereka benar-benar mengambil peluang ini untuk belajar dengan secara teratur, tanpa terlalu banyak "pressure" daripada ibu bapa ataupun guru-guru. Sikap ingin belajar dan mencapai kejayaan, harus datang dari hati pelajar itu sendiri. Pelajar-pelajar mesti ada sikap ingin belajar ini, dan sedar, bahawa tanpa keinginan untuk belajar, pembangunan diri dan peningkatan mental "intelligence" tidak akan berlaku. Pelajar-pelajar harus ingat, masa berlalu dengan cepat, dan peluang-peluang yang disedia dan diberi, mungkin datang sekali sahaja.

10. Kita harus bersyukur, bahawa negara ini mampu membina sekolah sebegini indah, penuh dengan kelengkapan yang canggih-canggih, dan mempunyai guru-guru yang ingin mengajar. Saya telah melawat banyak negara. Di Iraq ketika ini, kapur, buku dan pensil pun, tidak ada untuk kanak-kanak dan guru-guru menggunakan. Janganlah sebut bangunan sebegini indah dan lengkap!

11. Oleh itu, pelajar-pelajar dan ibu bapa - ibu bapa, haruslah bersyukur bersama-sama atas apa yang kita ada dalam negara ini dan peluang keemasan yang ada untuk pelajar-pelajar menimba ilmu sebanyak yang boleh.

12. Sambil itu, disekolahlah kita bercampur-gaul dengan rakan-rakan berbilang keturunan, agama dan budaya. Belajarlah juga berkawan dan berinteraksi supaya terpupuk persefahaman antara satu sama lain. Tidak berfaedah langsung kepada seorang pelajar yang meraih 10A1 dalam akademinya kalau ia tidak tahu berinteraksi dengan kawan-kawan berbilang kaum. Seseorang manusia tidak boleh keseorangan dan mengharap kaumnya sahaja untuk hidup di dunia. Ia harus berkawan, kerana secara berkawan, dan pandai berkawan, ia akan meluaskan kepandaian dan pengalamannya untuk menjadi seorang terpelajar yang berguna. Negara yang majmuk seperti kita perlukan persefahaman, perpaduan dan kasih sayang antara satu sama lain. Dengan adanya falsafah ini, saya yakin dan percaya, banyak masalah yang berlaku dalam sekolah, sedikit sebanyak dapat berkurangan.

13. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada pelajar-pelajar dan guru-guru kerana dalam masa yang singkat iaitu dua setengah (2 ½) tahun di lokasi baru di Taman Intan Baiduri, Sekolah St. Mary diiktiraf atas pencapaiannya biarpun dari segi akademik atau kokurikulum.

14. Sekolah St. Mary ternyata sebuah sekolah yang berperwatakan dengan kehadiran warga yang dinamik iaitu dari segi profesionalisme badan pentadbiran serta jentera akademiknya mahupun kesungguhan dan dedikasi pelajar-pelajarnya. Saya yakin dunia pendidikan di Sekolah St. Mary akan terus mencapai kecemerlangan dan kegemilangan melalui perpaduan dan permuafakatan erat yang telah dijadikan sebagai tradisi dan budaya kerja selama ini. Saya percaya dengan usaha semua pihak Sekolah St. Mary berupaya melahirkan puteri bangsa yang bakal menerajui pucuk kepimpinan negara kita malah menaikkan nama Malaysia di mata dunia kelak.

15. Dengan harapan ini dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya rasmikan pembukaan Bangunan Sekolah St. Mary yang baru ini dan juga melancarkan Laman Web Sekolah St. Mary.

Wabilahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
